

Kekaumas UMS akan terus membela kebajikan ahli

UB 24.7.2018 AG

LABUAN: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) telah mengadakan perjumpaan dengan ahli di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Bilik Seminar Kiamsam, baru-baru ini.

Rombongan Kekaumas induk itu diketuai Presiden, Abd Jalil Sapli bersama mantan Presiden, Amat Jutrah Musnih dan Exco,

Othman Rawi.

Manakala Kekaumas KAL diketuai Pengerusinya, Asmadi Abas.

Abd Jalil berkata perjumpaan itu diadakan untuk memberikan maklumat terkini mengenai pentadbiran Kekaumas termasuk aktiviti yang bakal dilaksanakan tahun ini dan tahun hadapan.

Beliau berharap ahli Kekaumas KAL akan

terus bersama dalam kesatuan terutamanya yang membabitkan kepentingan kebajikan ahli.

“Kekaumas akan terus menjaga kebajikan ahli termasuk yang berkaitan dengan perjawatan mereka,” katanya.

Asmadi pula akan terus menyalurkan isu yang berkaitan ahli di UMSKAL untuk perhatian dan tindakan Exco Kekaumas

dan pengurusan UMS.

Sementara itu, Amat Jutrah yang akan bersara, mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Kekaumas yang banyak memberikan kerjasama dan komitmen selama beliau menyandang jawatan tersebut.

“Pemimpin perlu bersedia berkorban untuk memastikan kesatuan terus relevan menjaga kebajikan ahli di UMS,” katanya.



ABD Jalil (tiga kanan) dan Amat Jutrah (dua kanan) bersama ahli Kekaumas KAL.